



BAB 10: PERKARA-PERKARA YANG MEMBATALKAN IMAN



Masyarakat Melayu dan Khurafat

Sebelum kedatangan Islam, penduduk di Nusantara mempunyai pegangan dan keyakinan tentang adanya kuasa ghaib yang mereka tidak nampak tetapi mereka dapat rasai kesannya.

Definisi khurafat menurut kamus Arab ialah cerita-cerita yang mempersonakan yang dicampuradukkan dengan perkara dusta dan menurut Al-Marbawi khurafat bermaksud cerita karut. Kamus Dewan pula mendefinisikan khurafat sebagai kepercayaan karut yang diadakan berpandukan kepada perbuatan-perbuatan dan kejadian alam yang berlaku. Khurafat adalah semua cerita sama ada rekaan atau khayalan, ajaran-ajaran, pantang larang, adat istiadat, ramalan-ramalan, pemujaan, atau kepercayaan yang menyimpang dari ajaran Islam. Islam pula memandang khurafat sebagai perkara bidaah akidah iaitu apa sahaja kepercayaan kepada sesuatu perkara yang menyalahi ajaran Rasulullah S.A.W..

Ciri-ciri dan Bentuk Khurafat

1. Tidak didasarkan pada nas-nas syarak (Al-Quran atau hadis Nabi).
2. Cerita-cerita rekaan, dongeng, khayalan, atau karut.
3. Bersumberkan kepada kepercayaan-kepercayaan lama dan bercanggah dengan Islam.
4. Menggunakan objek-objek tertentu seperti kubur, pokok, dan sebagainya.
5. Mempunyai unsur-unsur negatif dari segi akidah dan syariah.
6. Berbentuk pemujaan dan permohonan kepada makhluk halus.

Bentuk-bentuk khurafat merangkumi kepercayaan kepada perkara keramat seperti kubur, pokok kayu, batu, bukit, tongkat, dan sebagainya. Keramat boleh didefinisikan sebagai perkara luar biasa yang dianugerahkan kepada hamba-Nya yang soleh, bukan dalam kalangan orang fasik.

Contoh-contoh Perkara Khurafat



** Tangkal*



** Mandi Safar*



** Kubur panjang*

Walapun sudah semakin kurang, namun masih terdapat segelintir masyarakat kita yang masih berpegang dengan kepercayaan dan amalan-amalan karut datuk nenek moyang yang entah dari mana asasnya.

Antara kepercayaan dan amalan-amalan karut yang berlaku dan ada kaitan dengan bulan Safar termasuklah:

1. Rabu terakhir adalah hari malang.
2. Biawak petanda celaka.
3. Burung hantu tanda kecelakaan dan burung gagak tanda kematian..
4. Bulan Safar adalah bulan bala.

Kononnya bagi mengelakkan petanda-petanda buruk ini daripada berlaku, maka disunatkan mandi Safar, berpuasa, dan membuat kenduri tolak bala khas pada bulan Safar. Kepercayaan dan amalan-amalan ini adalah khurafat kerana tiada asas ataupun sumber rujukan dari mana asalnya.

Walaupun terdapat hadis yang mengatakan tentang perkara-perkara tersebut, namun semuanya ditolak kerana tergolong dalam hadis palsu yang sengaja direka dan telah dinafikan oleh suatu hadis sahih yang diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari iaitu:

لا عدوى ولا طيرة ولا هامة ولا صفر و فرمن المجزوم كما نفر من الأسد

Maksudnya: *Tiada jangkitan, tiada sial, tiada kemudaratan burung, tiada bala bulan Safar dan larilah engkau dari orang yang berpenyakit kusta seperti mana engkau lari dari singa.*

Hukum Berpegang dan Beramal dengan Khurafat

Hukum berpegang dengan kepercayaan karut adalah haram. Jika ia berkaitan atau menyalahi akidah maka hal ini boleh membawa kepada syirik dan merosakkan iman. Apabila iman sudah rosak, maka ia akan mempengaruhi amalan dan amalan ini juga tidak akan diterima oleh Allah.

Beramal dengan perkara khurafat juga ditolak kerana ia adalah bidaah dholalah. Maka beramal dengan perkara-perkara bidaah dholalah adalah haram hukumnya. Segala amalan dan kepercayaan yang tidak berdasarkan kepada sumber-sumber yang asal seperti Al-Quran, Al-Hadis, Al-Ijmak, dan Qias adalah ditolak oleh Islam. Sabda Rasulullah S.A.W.:

من أحدث في أمرنا هذا ما ليس منه فهو رد

Maksudnya: *Barangsiapa mengada-adakan di dalam agama Kami sesuatu yang tidak ada di dalamnya, maka yang dikerjakannya itu adalah tertolak.*

Percaya kepada benda-benda yang dijadikan keramat seperti kubur, pokok, telaga, atau sebagainya serta memuja, memohon pertolongan, dan melepaskan nazar pada benda-benda berkenaan dan percaya hal ini mempunyai kuasa selain daripada Allah adalah membawa kepada syirik dan bertentangan dengan kepercayaan tauhid kepada Allah sebagaimana firman-Nya:

ولا تدع من دون الله ما لا ينفعك ولا يضرك فان فعلت فانك اذا من الظلمين

***Maksudnya:** Dan janganlah menyembah atau memuja yang lain daripada Allah, yang tidak dapat mendatangkan manfaat kepadamu dan juga tidak dapat memberi mudarat kepadamu. Sekiranya engkau mengerjakan yang demikian, maka jadilah engkau orang-orang yang berlaku zalim (terhadap diri sendiri dengan perbuatan syirik itu).*

Kesan Khurafat Terhadap Umat Islam

1. Merosakkan akidah.
2. Menambahkan amalan-amalan bidaah.
3. Hilang kepercayaan kepada qada dan qadar.
4. Hilang sikap berusaha dan berikhtiar.
5. Mudah berputus asa.
6. Tidak bertawakal kepada Allah.